

SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA
17 MAC 2025

KAD DEBIT-i RHB MYSISWA MEMBERI KESELESAAN TANPA TUNAI KEPADA LEBIH 343,000 PELAJAR

Dengan Transaksi Melebihi RM389 Juta Sehingga Januari 2025, Cerminkan Kecenderungan Pelajar Terhadap Pembayaran Tanpa Tunai

Kuala Lumpur – RHB Islamic Bank Berhad (“RHB Islamic”) berjaya menamatkan Musim 3 Kempen Keistimewaan Kad Debit-i RHB MySiswa, satu inisiatif kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (“KPT”) untuk memperkasa kewangan pelajar universiti awam. Kempen ini menyaksikan 850 pemenang hadiah bulanan dan 5 pemenang hadiah utama, berkongsi jumlah hadiah sebanyak RM240,000 dalam bentuk pulangan tunai dan Deposit-i Murabahah Komoditi.

Dengan transaksi melebihi RM389 juta sehingga Januari 2025, Kad Debit-i RHB MySiswa mengintegrasikan pengenalan pelajar dengan fungsi perbankan, membolehkan transaksi tanpa tunai serta memberikan akses kepada perkhidmatan universiti seperti pendaftaran kehadiran, kemasukan pintu, dan kemudahan perpustakaan. Sebagai alat kewangan yang diterima secara meluas, kad ini telah memberi manfaat kepada lebih 343,000 pelajar, mencerminkan kesedaran kewangan yang semakin meningkat di kalangan pelajar dan kecenderungan mereka terhadap pembayaran digital dan tanpa tunai.

“Kad Debit-i RHB MySiswa bukan sekadar alat pembayaran – ia mencerminkan komitmen kami untuk memperkasa golongan muda di Malaysia dengan pengetahuan dan sumber kewangan yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia digital. Inisiatif ini selaras dengan nilai teras RHB Islamic dalam mempromosikan keterangkuman kewangan, memacu inovasi, dan memberikan penyelesaian berpusatkan pelanggan. Dengan mengintegrasikan transaksi tanpa tunai yang lancar dengan perkhidmatan penting universiti, kami bukan sahaja meningkatkan kemudahan tetapi juga memupuk tabiat pengurusan kewangan yang bertanggungjawab yang akan menyokong pelajar sepanjang perjalanan akademik mereka dan kesejahteraan kewangan masa depan,” kata Dato’ Adissadikin Ali, Pengarah Urusan RHB Islamic Bank Berhad.

Sambutan luar biasa daripada musim kempen terdahulu menyaksikan transaksi bernilai RM90 juta dalam tempoh sepuluh bulan. Selain daripada pembayaran yang selamat dan lancar, pemegang kad turut menikmati diskaun eksklusif di hampir 100 peniaga, merangkumi makanan dan minuman, pengangkutan, pendidikan, gaya hidup, dan telekomunikasi.

Kempen ini diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah yang meriah, di mana lima pemenang hadiah utama membawa pulang RM10,000 setiap seorang (RM5,000 dalam bentuk tunai dan RM5,000 dalam Deposit-i Murabahah Komoditi), manakala 850 pelajar menerima pulangan tunai bulanan sehingga RM1,000.

“RHB Islamic kekal komited terhadap keterangkuman kewangan dan pemerksaan pelajar. Melalui kerjasama berterusan dengan KPT, kami akan terus meningkatkan faedah Kad Debit-i MySiswa, memastikan pelajar mempunyai akses kepada alat kewangan yang menyokong perjalanan akademik dan kesejahteraan kewangan masa depan mereka,” tambah Dato’ Adissadikin.

Pelajar universiti awam boleh meneroka faedah Kad Debit-i RHB MySiswa dengan melayari portal RHB Joy@Uni di <https://www.rhbgroup.com/personal/deposits/joy-at-uni/index.html>
